Ringkasan Pernyataan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) dan Standard bawah Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Seksyen 33E(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) tentang Cadangan Produk Pembiayaan Padi Berdasarkan Kontrak *Bai` Salam*

Bahagian I: Pernyataan MPS menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009

MPS pada mesyuarat yang ke-247 bertarikh 29 April 2025, telah menetapkan bahawa cadangan struktur bagi produk pembiayaan padi berdasarkan kontrak *bai` salam*[1] (jualan hadapan) adalah dibenarkan, tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

1. Mekanisme *istibdal*[2] dibenarkan bagi menangani isu kegagalan penghantaran padi sekiranya berlaku penyelesaian awal, penstrukturan semula atau kecuaian[3] oleh petani (pelanggan). Walau bagaimanapun, mekanisme ini hanya akan dianggap sebagai pengecualian dan bukanlah penyelesaian utama. Mekanisme ini tidak boleh menjadi sebahagian daripada ciri produk untuk dipromosikan kepada pelanggan;

2. Bagi penstrukturan semula apabila jumlah pembiayaan tertunggak masih berada dalam lingkungan harga pasaran komoditi semasa, *istibdal* boleh dilaksanakan pada harga pasaran semasa tanpa melibatkan aturan *tawarruq*. Bagi melaksanakan perkara ini, institusi kewangan Islam (IKI) dan petani boleh bersetuju dengan pelan pembayaran tertangguh bagi menyelesaikan hutang daripada *istibdal* tersebut serta petani hendaklah diberikan *ibra'* (rebat) yang sewajarnya; dan

3. Apabila jumlah pembiayaan tertunggak melebihi harga pasaran komoditi semasa, penstrukturan semula dengan *tawarruq* dibenarkan berdasarkan panduan ketetapan hukum Syarak oleh MPS yang sedia ada berkenaan dengan penjadualan semula dan penstrukturan semula.[4]

Bahagian II: Peruntukan Undang-Undang dan Pemakaiannya

2.1. Bahagian 1 Pernyataan MPS ini dibuat menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM) dan seksyen 55(2)(a) ABNM.

---

[1] Kontrak *bai` salam* ialah perjanjian jualan hadapan iaitu penjual bersetuju untuk menyerahkan komoditi yang ditentukan pada tarikh akan datang sebagai balasan kepada bayaran penuh yang dibuat pada awal perjanjian. Komoditi, kuantiti, kualiti dan tarikh penghantaran telah ditetapkan terlebih dahulu dalam kontrak.

[2] *Istibdal* dalam kontrak *bai` salam* merujuk penggantian atau pertukaran komoditi yang telah dipersetujui pada awalnya dengan sesuatu yang lain. Dalam konteks dokumen ini, *istibdal* merujuk penggantian hutang komoditi (padi) dengan wang.

[3] Definisi kecuaian dalam kes kegagalan penghantaran padi oleh petani bergantung pada status ketersediaan padi dalam pasaran. Petani dianggap cuai sekiranya gagal menghantar padi sedangkan bekalan padi masih tersedia dalam pasaran.

[4] Contoh Pernyataan MPS terpakai yang perlu dipatuhi semasa penstrukturan semula ialah larangan penggandaan keuntungan seperti yang diputuskan dalam mesyuarat MPS ke-214 pada 30 Jun 2021. Keputusan tersebut menyatakan bahawa IKI tidak boleh memasukkan keuntungan terkumpul daripada pembiayaan asal ke dalam jumlah prinsipal baharu pembiayaan penstrukturan semula dan penjadualan semula (R&R).

TERHAD

2.2. Bank Negara Malaysia menetapkan Bahagian 1 Pernyataan MPS sebagai standard di bawah seksyen 29(1) APKI dan seksyen 33E(1) AIKP, berkuat kuasa 17 Oktober 2025 dan terpakai kepada IKI yang berikut:

(i) bank Islam berlesen bawah APKI;

(ii) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam; dan

(iii) institusi yang ditetapkan dan diluluskan di bawah seksyen 33B(1) AIKP untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Melayu akan diutamakan.

TERHAD